

0929

U 8491 DEB
MAHATHIR - LEBUHRAYA
(1)

BANTING, 26 APRIL (BERNAMA) -- SIMEN AKAN DIGUNAKAN UNTUK PEMBINAAN LEBUHRAYA PERSEKUTUAN DAN JALAN-JALAN KAMPUNG DI SELURUH NEGARA PADA MASA DEPAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, MULAI SEKARANG SIMEN AKAN DIGUNAKAN DALAM PEMBINAAN LEBUHRAYA DAN JALAN-JALAN KECUALI PADA TEMPAT-TEMPAT YANG SIMEN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN.

+MULAI SEKARANG KITA TIDAK AKAN MENGGUNAKAN TAR TETAPI SIMEN,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT KAMPUNG OLAK LEMPIT DEKAT SINI UNTUK MELIHAT PEMBINAAN SECARA GOTONG ROYONG JALAN SIMEN YANG PERTAMA DI NEGARA INI.

LANGKAH ITU, MENURUT BELIAU, KERANA BEKALAN SIMEN BANYAK DI NEGARA INI DAN HARGANYA JUGA MURAH. +LAGIPUN, UNTUK MENGGUNAKAN TAR, KITA TERPAKSA MENGIMPORTNYA,+ TAMBAHNYA.

+JIKA KITA TERUS MEMBELI TAR, KILANG-KILANG SIMEN KITA MUNGKIN DITUTUP. JADI AKHIRNYA KITA JUGA YANG RUGI,+ KATANYA. -- LAGI.
1746MST 26 04 86

U 8492 DEB
MAHATHIR - LEBUHRAYA 2 BANTING
(1)

PEMBINAAN JALAN SEPANJANG KIRA-KIRA 1.6 KM ITU DILAKSANAKAN OLEH 200 ORANG BELIA TERMASUK PARA PELAJAR INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) DAN MEREKA YANG DIPILIH KHAS OLEH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR UNTUK PROJEK ITU.

PROJEK ITU YANG BERHARGA KIRA-KIRA \$130,000 TERMASUK HARGA MEMBEKALKAN 5,600 KAMPIT SIMEN DIBIYAI OLEH KEMENTERIAN ITU.

MENTERI BERKENAAN, DATUK SERI SANUSI JUNID, YANG TURUT HADIR BERKATA, KOS MEMBINA JALAN ITU KIRA-KIRA \$50,000 LEBIH MURAH DARIPADA YANG MENGGUNAKAN TAR.

+LAGIPUN, SEKIRANYA JALAN ITU ROSAK, KITA HANYA PERLU MENGHANTAR SIMEN KEPADA ORANG KAMPUNG UNTUK MEMBAIKINYA,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI SANUSI BERHARAP KONSEP PEMBINAAN JALAN KAMPUNG SECARA GOTONG ROYONG DENGAN MENGGUNAKAN SIMEN AKAN DILAKSANAKAN DI SELURUH NEGARA MENJELANG PERTENGAHAN JULAI INI. -- LAGI.
1747MST 26 04 86

D940
B 8503 DEB

MAHATHIR - LEBUHRAYA 3 BANTING
(1)

INI BERGANTUNG SAMA ADA DAERAH-DAERAH BAPAT MENUBUHKAN KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH (KPD) YANG AKAN MENYALURKAN BEKALAN SIMEN MENJELANG JUN TAHUN INI.

+INI JUGA AKAN MEMSOLEHKAN KITA MENYALURKAN PERUNTUKAN YANG DIPERLUKAN UNTUK PEMBINAAN GUDANG SIMPANAN SIMEN DAN BESI DI TIAP-TIAP DAERAH,+ KATANYA SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA WANG UNTUK TUJUAN ITU TELAH DIPEROLEH SEMENTARA PELAN GUDANG ITU TELAH PUN SIAP.

BELIAU MENYIFATKAN PROJEK ITU SATU DARIPADA KEJAYAAN DASAR PANDANG KE TIMUR YANG MENGGADUNGAN SEMANGAT GOTONG ROYONG YANG TERKENAL DI KALANGAN MASYARAKAT KOREA SELATAN DAN PENGGUNAAN BAHAN INDUSTRI BERAT IAITU SIMEN DARI JEPUN.

PERDANA MENTERI DISAMBUUT DENGAN MERIAH OLEH PENDUDUK, YANG TURUT HADIR IALAH SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR, ENCIK TAJUL ROSLI DAN ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI SELANGOR DATUK ABU BAKAR ABDUL HAMID.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENANAM POKOK PINANG MERAH SEMPENA LAWATANNYA SELAMA DUA JAM KE KAMPUNG ITU. -- BERNAMA.
1808MST 26 04 86